

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	2 APRIL 2015

Dibuat ikut fatwa, berdasarkan kajian menyeluruh lebih 35 tahun - Najib

Pelaksanaan GST Malaysia halal

um - 2/4/2015

Oleh AZMAN IBRAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 APRIL

PELAKSANAAN
CUKAI BARANG
& PERKHIDMATAN



gst.customs.gov.my

PELAKSANAAN cukai baiang dan perkhidmatan (GST) di negara ini adalah halal dan mengikut fatwa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, GST Malaysia dibuat berdasarkan kajian yang menyeluruh dan teiti serta mengambil masa lebih 35 tahun.

Katanya, kerajaan juga membuat keputusan dengan menstrukturkan semula sistem cukai berkenaan berbanding sistem percukaian GST yang dilaksanakan di negara-negara lain.

"GST di negara ini akan mengecualikan cukai bagi banyak barang dan perkhidmatan seperti air dan barangan asas makanan.

"Perkara ini merupakan berita gembira untuk industri halal apabila kebanyakan bahan-bahan kandu-

ngan seperti ikan, daging, hasil ternakan, sayur-sayuran diberi kadar sifar GST," katanya ketika berucap merasmikan Sidang Kemuncak Halal Sedunia (WHS) 2015 di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Yang Dipertua Dewan Negara, Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Noh-taini Ahmad.

WHS 2015 berlangsung selama empat hari bermula hari ini.

Sementara itu, Perdana Menteri

berkata, pensijilan dan logo halal Malaysia kini diiktiraf dan diterima secara universal.

Katanya, kerajaan turut membangunkan 13 piawaian untuk industri halal bagi menepati kayu pengukur antarabangsa.

"Satu pencapaian yang signifikan untuk Malaysia adalah dengan menggunakan MSi500:2004 sebagai satu piawaian halal antarabangsa yang diiktiraf Codex Alimentarius Comission, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Piawaian ini adalah satu daripada rujukan halal di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang menyediakan garis panduan dan diiktiraf antarabangsa dalam

pelabelan produk-produk makanan," katanya.

Tambah Najib, industri halal yang berkembang kini menjadi relevan untuk negara-negara ASEAN yang kedudukannya terletak di Asia Pasihk dengan 62 peratus daripadanya merupakan penduduk Islam dunia.

Katanya, sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, Malaysia berminat untuk menggalakkan promosi dan pembangunan industri halal di rantau ini.

"Tiada lagi alasan kenapa ASEAN tidak boleh menjadi pusat dagangan halal yang mampu menyediakan keperluan pasaran di dalam dan di luar negara," katanya.

